

KOMPETENSI GURU BUKAN OPSYEN YANG MENGAJAR KEMAHIRAN  
TEKNIKAL DI KOLEJ VOKASIONAL NEGERI PAHANG

ROSLAN BIN ABU HASSAN

Laporan projek ini dikemukakan sebagai  
memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan  
Ijazah Sarjana Pendidikan Teknikal (Rekabentuk Instruksional dan Teknologi)

Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

JULAI 2014

## ABSTRAK

Bagi melahirkan lebih ramai tenaga yang mahir dan separa mahir guru merupakan tenaga pengajar yang perlu mempunyai tahap kecekapan yang tinggi dari segi pengetahuan, kemahiran dan juga sikap. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti kompetensi guru dalam pengajaran amali. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenalpasti tahap pengetahuan, kemahiran dan sikap guru dalam pengajaran kemahiran teknikal di kolej vokasional, mengenalpasti perbezaan jantina berdasarkan pengetahuan dalam proses pengajaran kemahiran teknikal dan mengenalpasti perbezaan dari segi kemahiran berdasarkan pengalaman guru dalam proses pengajaran kemahiran teknikal. Kajian tinjauan diskriptif ini menggunakan borang soal selidik berskala Likert 5 mata sebagai instrumen. Seramai 59 orang guru yang dipilih secara sampel bertujuan yang merupakan guru yang mengajar kemahiran teknikal di kolej vokasional di Negeri Pahang. Data-data dianalisis menggunakan perisian Winsteps 3.69.1.1 dengan pendekatan Model Pengukuran Rasch bagi mendapatkan nilai skor min dan min logit. Hasil analisis mendapati tahap pengetahuan, kemahiran dan sikap guru dalam pengajaran kemahiran teknikal berada pada tahap tinggi. Analisis juga mendapati terdapat perbezaan pengetahuan guru berdasarkan jantina dan terdapat juga perbezaan kemahiran guru berdasarkan pengalaman mengajar. Pengkaji berharap hasil kajian dapat membantu Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional untuk meningkatkan lagi kompetensi guru terutamanya melibatkan pengajaran amali bengkel.

## ABSTRACT

To create more skilled and semi-skilled workers, teachers need to have a high level of competency in terms of knowledge, skills and attitudes. Realising this, the study should be conducted to determine the competency of teachers in teaching practice. Teacher competency studied in terms of knowledge, skills and attitudes. The purpose of this study was to: identify the knowledge, skills and attitudes in teaching technical skills in vocational colleges, identify gender differences based on knowledge in the teaching of technical skills and to identify the differences in skills based on teacher experience in teaching technical skills. This study is a descriptive study using a Likert scale questionnaire as instrument. A total of 59 teachers were selected as sample meant that the technical skills of teachers in vocational colleges in Pahang. The data were analyzed using the software Winsteps 3.69.1.1 Rasch measurement model approach for the mean score and mean logit. Results show that the level of knowledge, skills and attitude in the pursuit of technical skills at the high level. The analysis also found that there is a gender differences in terms of knowledge and skills of teachers based on different teaching experience. The researcher hope the findings will assist the Division of Technical and Vocational Education to improve teachers competency especially during practical sessions.

## KANDUNGAN

	<b>TAJUK</b>	<b>i</b>
	<b>PENGAKUAN</b>	<b>ii</b>
	<b>DEDIKASI</b>	<b>iii</b>
	<b>PENGHARGAAN</b>	<b>iv</b>
	<b>ABSTRAK</b>	<b>v</b>
	<b>KANDUNGAN</b>	<b>vii</b>
	<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>x</b>
	<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>xi</b>
	<b>SENARAI SINGKATAN/SIMBOL/TATANAMA</b>	
	<b>ISTILAH</b>	<b>xii</b>
	<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	<b>xiii</b>
<b>BAB 1</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	<b>1</b>
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	3
	1.3 Pernyataan Masalah	7
	1.4 Objektif Kajian	8
	1.5 Persoalan Kajian	8
	1.6 Skop Kajian	9
	1.7 Kepentingan Kajian	9
	1.8 Kerangka Teori dan Konsep kajian	10
	1.9 Istilah dan Operasional	13
	1.9.1 Tahap Kompetensi Guru	13
	1.9.2 Kemahiran Teknikal	14
	1.9.3 Pengajaran Dan Pembelajaran	15
	1.9.4 Kolej Vokasional	16

	1.9.5	Guru Bukan Opsyen	16
<b>BAB 2</b>		<b>KAJIAN LITERATUR</b>	<b>17</b>
	2.1	Pengenalan	17
	2.2	Teori-Teori Kompetensi	17
	2.2.1	Model Iceberg	18
	2.2.2	Teori Behaviorisme	19
	2.3	Kompetensi	21
	2.3.1	Definasi Kompetensi	21
	2.4	Komponen Kompetensi	23
	2.4.1	Kompetensi Guru Dari Aspek Kemahiran <i>Hands-on</i>	23
	2.4.2	Kompetensi Guru Dari Aspek Pengetahuan	29
	2.4.3	Kompetensi Guru Dari Aspek Sikap	34
	2.5	Kolej Vokasional	37
	2.6	Pengajaran Kemahiran Teknikal	37
	2.7	Penutup	40
<b>BAB 3</b>		<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	<b>41</b>
	3.1	Pengenalan	41
	3.2	Reka Bentuk Kajian	41
	3.3	Populasi dan Sampel	45
	3.4	Prosedur Kajian	46
	3.5	Instrumen Kajian	46
	3.5.1	Borang Soal Selidik	47
	3.5.2	Skala Likert	48
	3.6	Kajian Rintis	50
	3.6.1	Kesahan Muka dan Kandungan	50
	3.6.2	Kebolehpercayaan Instrumen	50
	3.6.3	Pemeriksaan terhadap Polariti item ( <i>item polarity</i> )	52
	3.6.4	Pengukuran Nilai Korelasi Residual terpiawai ( <i>Standardized Residual Correlations</i> )	52
	3.6.5	Ringkasan Jumlah Item Yang kekal dan Digugurkan Bagi Soal selidik	53

3.7	Analisa Data Kajian Sebenar	54
3.8	Penutup	56
<b>BAB 4</b>	<b>ANALISIS DATA</b>	<b>57</b>
4.1	Pengenalan	57
4.2	Analisis demografi responden	57
4.2.1	Taburan Responden Mengikut Jantina	58
4.2.2	Taburan Responden Mengikut Umur	58
4.2.3	Taburan Responden Mengikut Pengalaman Mengajar	59
4.3	Dapatan kajian	61
4.3.1	Persoalan kajian pertama: Apakah aspek ilmu Pengetahuan guru bukan opsyen yang mengajar Kemahiran teknikal di kolej vokasional	61
4.3.2	Persoalan kajian kedua: Apakah aspek kemahiran guru bukan opsyen yang mengajar kemahiran teknikal di kolej vokasional	63
4.3.3	Persoalan kajian ketiga: Apakah aspek sikap guru bukan opsyen yang mengajar kemahiran teknikal di kolej vokasional.	65
4.3.4	Persoalan kajian keempat: Adakah terdapat perbezaan terhadap kemahiran berdasarkan pengalaman guru bukan opsyen yang mengajar kemahiran teknikal di kolej vokasional	67
4.3.5	Persoalan kajian kelima: Adakah terdapat perbezaan terhadap pengetahuan berdasarkan jantina guru bukan opsyen yang mengajar kemahiran teknikal di kolej vokasional.	68
4.5	Penutup	69
<b>BAB 5</b>	<b>RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN</b>	<b>70</b>
5.1	Pengenalan	70
5.2	Rumusan	70

5.3	Perbincangan	71
5.3.1	Demografi responden	72
5.3.2	Rumusan dapatan kajian 1: Mengenalpasti tahap kompetensi guru bukan opsyen yang mengajar kemahiran teknikal di kolej vokasional	73
5.3.3	Rumusan dapatan kajian 2: Mengenalpasti perbezaan terhadap kemahiran berdasarkan pengalaman guru bukan opsyen yang mengajar kemahiran teknikal di kolej vokasional	77
5.3.4	Rumusan dapatan kajian 3: Mengenalpasti perbezaan terhadap pengetahuan berdasarkan jantina guru bukan opsyen yang mengajar kemahiran teknikal di kolej vokasional	78
5.4	Cadangan Dapatan Kajian	79
5.4.1	Pihak Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional	79
5.4.2	Pihak Pentadbir Sekolah dan Guru	80
5.5	Cadangan Kajian lanjutan	81
5.6	Penutup	82
	<b>RUJUKAN</b>	<b>82</b>
	<b>LAMPIRAN</b>	<b>96</b>
	<b>VITA</b>	

## SENARAI JADUAL

2.1	Ringkasan bidang kemahiran teknikal di Kolej Kokasional	40
3.1	Populasi kajian Mengikut Kolej Vokasional	45
3.2	Pembahagian borang soal selidik	47
3.3	Pengkelasan Skala Likert Lima Mata	48
3.4	Nilai kebolehpercayaan (alpha Cronbach) bagi kajian rintis	51
3.5	Kebolehpercayaan item yang diuku	51
3.6	Nilai korelasi residual terpiawai (standardized residual correlations)	53
3.7	Ringkasan jumlah item yang kekal dan digugurkan	54
3.8	Objektif dan kaedah analisis data	55
3.9	Tahap skor min (Sumber : Wiersma, 2000)	56
4.1	Analisis responden mengikut jantina	58
4.2	Taburan responden mengikut umur	59
4.3	Bilangan dan peratusan responden mengikut pengalaman mengajar	60
4.4	Dapatan analisis bagi aspek pengetahuan guru bukan opsyen yang mengajar kemahiran teknikal di kolej vokasional	62
4.5	Dapatan analisis bagi aspek kemahiran guru bukan yang mengajar kemahiran teknikal di kolej vokasional	63
4.6	Dapatan analisis bagi aspek sikap guru bukan opsyen yang mengajar kemahiran teknikal di kolej vokasional	65
4.7	Analisis pengalaman mengajar terhadap penguasaan kemahiran	67
4.8	Perbezaan jantina terhadap konstruk pengetahuan menggunakan DGF	68
4.9	Ringkasan hasil analisis DIF yang menunjukkan wujud perbezaan Signifikan	69



**SENARAI RAJAH**

1.1	Kerangka Teori kajian	11
1.2	Kerangka Konsep Pengetahuan, Kemahiran Teknikal ( <i>Hands on</i> ) dan Sikap Dalam Aspek Kemahiran Amali (Slavian , 1994)	12
2.1	Model Kompetensi Iceberg (Spencer & Spencer, 1993)	19
3.1	Kerangka Reka Bentuk Kajian Basir, (2013)	44
4.1	Graf taburan responden mengikut jantina	58
4.2	Graf taburan responden mengikut umur	59
4.3	Graf taburan responden mengikut pengalaman mengajar	60

**SENARAI SIMBOL/SINGKATAN/TATANAMA/ISTILAH**

ABBM	-	Alat Bahan Bantu Mengajar
BPTV	-	Bahagian Pendidikan Teknik Vokasional
DGF	-	Differential Group Functioning
DIF	-	Differential Item Functioning
JPN	-	Jabatan Pendidikan Negeri
KHB	-	Kemahiran hidup Bersepadu
KPM	-	Kementerian Pelajaran Malaysia
KSKV	-	Kurikulum Standard Kolej Vokasional
KV	-	Kolej Vokasional
OJT	-	On-Job Training
PKPG	-	Program Khas Pensiswazahan Guru
SWOT	-	Strength, Weakness, Opportunity, Threat SKPK
UTHM	-	Universiti Tun Hussein Onn

**SENARAI LAMPIRAN**

<b>LAMPIRAN</b>		<b>MUKA SURAT</b>
A	Carta Gantt	96
B	Borang soal selidik (Kajian rintis)	97
C	Borang soal selidik (Kajian sebenar)	105
D	Borang semakan soal selidik (Pengesahan pakar)	110
E	Surat kebenaran melakukan kajian (UTHM)	114
F	Analisis data kajian rintis	115
G	Analisis data kajian sebenar	120

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Kompetensi guru memainkan peranan penting dalam pengajaran dan pembelajaran. Kompetensi merujuk kepada pengetahuan, kemahiran, dan ciri-ciri peribadi atau yang perlu bagi melaksanakan sesuatu tugas atau tanggungjawab. Kompetensi boleh didefinisikan sebagai keupayaan-keupayaan berdasarkan kecerdasan yang memperlihatkan kelakuan-kelakuan atau kemahiran-kemahiran yang memberi kesan kepada prestasi kerja (Mitrani *et al.* 1992). Kecerdasan selalunya dikaitkan dengan kompetensi lebih memusat kepada kecerdasan untuk menyelesaikan sesuatu masalah secara logik yang berkaitan dengan pengetahuan dan kemahiran-kemahiran teknikal dalam melaksanakan sesuatu pekerjaan. Menurut Lefrancois (2011), kompetensi merupakan keupayaan melakukan sesuatu yang dihasilkan melalui proses pembelajaran.

Daud Ibrahim (2003), kompetensi bermakna "*competence, proficiency, skillful and skill*". Kompetensi juga ditakrifkan sebagai gabungan aspek pengetahuan, kemahiran dan ciri-ciri peribadi yang perlu dimiliki serta diamalkan bagi melaksanakan sesuatu pekerjaan atau jawatan. Prinsip asas kompetensi adalah bahawa prestasi seseorang pegawai perkhidmatan awam akan meningkat sekiranya beliau mempunyai semua kompetensi yang diperlukan bagi menjalankan tugas dan tanggungjawab jawatan yang disandangnya. Sebagai contoh, pengkhususan dalam sesuatu bidang dan kekerapan melaksanakan sesuatu tugas yang akan membolehkan pegawai melaksanakan tugasnya dengan berkesan dan cemerlang. Dharma, Agus (2003), mentakrifkan kompetensi sebagai kemampuan atau kecekapan yang diperlihatkan seseorang ketika melakukan sesuatu.

Dalam aspek pendidikan kompetensi dilihat, seseorang guru itu kompeten sudah tentunya dapat menghasilkan pengajaran dan pembelajaran yang efektif terhadap pelajarannya. Veloo et al. (2013), turut menegaskan bahawa penekanan terhadap pencapaian pelajar, akauntabiliti dan kompetensi telah memberi impak kepada penilaian pencapaian guru. Kualiti pencapaian akademik pelajar sangat bergantung kepada pengajaran dan pembelajaran di kelas. Dalyono (1997), turut menegaskan bahawa ada dua faktor yang menentukan pencapaian pelajar, iaitu faktor dalaman seseorang pelajar seperti kesihatan, kecerdikan, bakat, minat, motivasi dan cara belajar. Manakala faktor luaran pula hanya melibatkan pengaruh keluarga, iklim sekolah dan masyarakat setempat. Selari dengan dapatan kajian Ahmad *et al.* (2006) didapati bahawa antara faktor-faktor yang memberi kesan kepada pencapaian akademik pelajar adalah keberkesanan pensyarah, infrastruktur, kewangan dan kesedaran pelajar itu sendiri.

Revolusi kecemerlangan seseorang pelajar ini dapat diteruskan dengan adanya suasana persekitaran di tempat belajar yang baik, selasa dan berkualiti. Persekitaran tempat belajar yang memenuhi keperluan adalah faktor utama yang mendorong kejayaan individu mahupun institusi tersebut. Kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan haruslah diutamakan dan perlu dikekalkan tahap kualitinya agar memenuhi keperluan dan kepuasan pelajar amnya. Menurut Johnson & Fornell (1991) penekanan terhadap kepuasan pengguna amat penting bagi mendapatkan kepercayaan pengguna terhadap produk dan servis yang disediakan. Kemudahan dan perkhidmatan akan memberi kesan yang berguna dalam pengajaran dan pembelajaran sekiranya ia digunakan dengan betul termasuklah mempunyai prasarana yang mencukupi, latihan dan sokongan dari pelbagai pihak (Teo, 2008).

Guru merupakan faktor utama kecemerlangan seseorang pelajar. Tugas guru tidak hanya melahirkan pelajar yang berjaya dalam akademik, tetapi juga bertanggungjawab membentuk keperibadian pelajar kepada yang lebih baik. Oleh yang demikian seorang guru itu perlu melengkapkan dirinya terlebih dahulu dengan sifat-sifat yang terpuji dan kemahiran-kemahiran pedagogi yang akan diaplikasikan semasa disekolah nanti. Guru mesti menjadi contoh bukan sahaja di dalam persekitaran sekolah malahan juga mereka perlu menjadi contoh dalam masyarakat. Menurut Mok (2003), penggunaan dan penerapan kemahiran guru terutamanya kemahiran generik secara berkesan dalam pengajaran dan pembelajaran amat bergantung kepada kemahiran pengintergrasiannya dengan kemahiran-kemahiran

yang lain seperti kemahiran berfikir, kemahiran pemudahcara, kemahiran belajar, kemahiran menilai serta mentaksir dan tidak kurang pentingnya kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi.

Para guru mestilah sentiasa peka dan bersedia melakukan transformasi diri mengikut arus pendidikan. Kompetensi diri dan kompetensi sosial perlu dihayati sepenuhnya. Persoalan tentang bagaimanakah seseorang guru boleh berjaya dalam mewujudkan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan ialah apabila guru menguasai ilmu konten dan ilmu pedagogi yang mantap dalam bidangnya. Formula atau model yang perlu ada dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan ialah pendekatan-pendekatan yang melibatkan penggabungan ilmu konten dan ilmu pedagogi secara bersepadu dan bermakna. Kemampuan guru melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan boleh direalisasikan sekiranya guru bermotivasi, kompeten dan komitmen terhadap bidang profesion keguruan yang diceburi (Julismah, 2006).

Guru yang kompeten seharusnya memiliki beberapa ciri-ciri atau beberapa komponen utama yang harus dikuasai iaitu pengetahuan (*cognitive domain*), kemahiran (*psychomotor domain*) dan sikap atau kualiti peribadi (*affective domain*). Ketiga-tiga komponen utama ini akan mempengaruhi seseorang dalam melakukan sesuatu tugas. Tobias (2006), menyatakan bahawa kompetensi terdiri daripada kognitif, afektif, kelakuan dan motivasi atau pembawaan seseorang yang membolehkannya menunjukkan prestasi dalam suasana tertentu. Seseorang individu yang memiliki kompetensi yang sewajarnya akan menyumbang kepada peningkatan prestasi dan kecemerlangan.

## **1.2 Latar Belakang Masalah**

Peranan guru sangat diperlukan dalam merialisasikan mutu pendidikan. Guru sebagai agen pembelajaran dituntut supaya mampu menyelenggarakan proses pembelajaran dengan sebaik-baiknya. Oleh itu untuk melaksanakan fungsi guru dengan baik, guru wajib memiliki syarat tertentu antaranya adalah kompetensi. Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah memperkemaskan perancangan dan pembangunan sumber manusia dengan memberikan fokus ke arah melahirkan guna tenaga yang kompeten dan kompetitif ( Dasar Pendidikan Kebangsaan, 2004). Namun demikian disebabkan tidak wujud satu standard kompetensi dalam bidang

perguruan dan program pendidikan guru sebagai panduan di negara ini, maka timbul masalah perkhidmatan, tekanan kerja, konflik peranan, kekaburan peranan, ketiadaan satu sistem sokongan sosial dari pengetua dan rakan sekerja. Kesan daripada masalah tersebut telah menyebabkan ramai guru meletak jawatan atau bersara lebih awal dan *burnout* dalam kalangan guru (Saedah & Mohamed, 2013).

Profesion guru memerlukan individu yang mempunyai kompetensi yang tinggi dari segi pengetahuan, bersikap positif, berkemahiran dalam menyampaikan isi pelajaran serta mempunyai daya kreativiti semasa mengajar bidang kemahiran teknikal. Selari dengan kajian Bhavani & Kinshuk (2003), menegaskan guru yang ingin berjaya melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran dengan baik mestilah mampu menguasai isi pelajaran yang ingin disampaikan dan menjaga keperibadian yang unggul sebagai warga pendidik. Jika tahap kompetensi guru kurang dikuasai, aspirasi negara bagi menghasilkan pekerja berpengetahuan masih jauh lagi untuk dicapai. Ini dapat dilihat dari berita yang terpampang di dada akhbar dan juga forum-forum yang dibincangkan mengenai tenaga pengajar yang kurang kompeten khususnya dalam aspek kemahiran teknikal (Rohaila *et al.* 2007).

Robiah Sidin (2000), menjelaskan di mana sebagai guru yang melaksanakan kurikulum mestilah bersedia dengan ilmu pengetahuan yang cukup sebelum menjalankan tanggungjawab sebagai seorang pendidik. Apabila tahap kesediaan seorang guru mengajar adalah kurang, ini boleh menimbulkan beberapa masalah yang mengakibatkan objektif pengajaran dan pembelajaran sukar untuk dicapai. Apatah lagi bagi seorang guru baru yang kurang pengalaman (Ee, 2005). Pada hakikatnya guru-guru yang telah dilatih di institusi-institusi perguruan tidak mengalami masalah dalam penyampaian ilmu pengetahuan dalam bidang kemahiran teknikal. Namun begitu menurut Ingersoll (2003), terdapat permasalahan mengenai guru yang mengajar diluar bidang kepakaran mereka telah timbul sejak tahun 1980an dahulu lagi. Hal ini berlaku adalah berpunca daripada beberapa faktor iaitu kekurangan jumlah guru berbanding nisbah kemasukan pelajar, penambahan jumlah pelajar dan penambahan jumlah sekolah yang dibangunkan.

Kirts (1984), juga menyatakan bahawa keadaan ini berlaku disebabkan oleh pemindahan guru ke sekolah lain dipertengahan tahun yang mengakibatkan kekurangan tenaga pengajar. Hal ini menyebabkan pihak pengurusan sekolah terpaksa mengarahkan dan memberikan tugas kepada guru yang sedia ada untuk mengisi kekosongan sehingga terpaksa mengalas tugas lain walaupun bukan dalam

bidang kepakaran mereka. Fenomena ini akan menyebabkan guru terpaksa bekerja keras untuk mendapatkan ilmu pengetahuan dalam sesuatu bidang, guru berasa bimbang untuk mengajar kerana dikuatiri silibus dan objektif pembelajaran tidak tercapai. Kesan kebimbangan guru ini akan menyebabkan kualiti pengajaran dan pembelajaran dalam sesebuah kelas menjadi kurang mendapat perhatian dari pelajar.

Jamil, Shamimi & Yahya (2009), dalam kajian yang dilakukan terhadap guru yang mengajar Teknologi Kejuruteraan di sekolah Negeri Johor mereka mendapati terdapat guru sukar menyediakan tugas kerana kurang pengalaman dan ilmu pengetahuan mengajar. Menurut Atan (1988), seseorang guru perlu mengetahui secara mendalam akan mata pelajaran yang hendak diajarnya kerana dengan kurangnya pengetahuan akan menimbulkan rasa tidak percaya kepada dirinya, menyebabkan sifat beku dan mendatangkan rasa bimbang atau kurang yakin. Pengkaji juga mendapati masalah guru-guru untuk mendapatkan maklumat kerana keadaan sekolah yang jauh untuk capaian internet. Hal ini menyukarkan lagi guru-guru untuk memperolehi maklumat terkini tentang teknologi yang telah dibangunkan di luar negara. Dapatan ini disokong oleh Anisah (2005), seseorang guru perlu melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang cukup sebelum mengajar. Guru juga perlu memiliki pengetahuan yang terkini dan sentiasa mengikuti kurikulum yang telah ditetapkan. Namun dapatan kajian dari Noor Alina (2009), menyatakan guru-guru kurang bersedia dari segi pengetahuan yang melibatkan maklumat terkini tentang teknologi semasa, di mana tahap pengetahuan guru tersebut berada pada tahap yang rendah.

Tinjauan awal yang dilakukan terhadap guru-guru yang mengajar mata pelajaran teknologi kejuruteraan dikolej vokasional didapati wujudnya beberapa masalah dalam pengajaran dan pembelajaran. Ada dikalangan guru-guru bukan datangnya daripada bidang kepakaran pengajian yang berkaitan dengan mata pelajaran kemahiran teknikal dan mereka dikehendaki mengajar bagi menampung kekurangan tenaga pengajar dalam bidang ini. Temu bual telah dibuat dengan beberapa orang guru dan maklum balas seperti berikut:

*"Sebenarnya saya bukan guru yang mengajar subjek elektrik, pengkhususan semasa di maktab dalam bidang rawatan radio dan televisyen....tapi di sini terpaksa mengajar elektrik ....."*

*(Guru 1)*



*" ada guru yang mengajar di sini bukan dalam bidang yang khusus seperti Pemasangan Elektrik, Automotif dulunya Kaji Sawat Motor, Amalan Bengkel Mesin..... disebabkan bengkel elektronik kurang guru terpaksa ambil guru-guru ini untuk mengajar di sini....."*

*(Guru 2)*

*"...saya kurang yakin dan rasa takut nak ajar amali kawalan motor...saya ni dah la cikgu baru... "*

*(Guru 3)*

*"guru-guru yang mengajar di sini bukan dari bidang yang khusus..... mereka terpaksa belajar diperingkat awal sebelum mengajar dan kami guru-guru lama akan pastikan mereka ikut sukatan....."*

*(Ketua Bengkel*

*Elektrik)*

*"Memanglah perlu dibuat kajian ni memandangkan ramai guru yang tidak menguasai mata pelajaran ni... Sebab kurikulum PTV dah berubah dan juga telah berlaku perubahan yang ketara terhadap silibus mata pelajaran teknologi elektronik itu sendiri yang mana silibusnya telah berubah mengikut KSKV, dia orang mahir dalam silibus lama saja...."*

*(Ketua Jabatan Teknologi Elektrik)*

Hasil temubual ini jelas menunjukkan bahawa guru-guru terpaksa mengajar mata pelajaran diluar bidang kepakaran mereka. Guru terpaksa menghadapi tanggungjawab yang berat dalam penyediaan diri menambah ilmu pengetahuan supaya proses pengajaran dan pembelajaran berjalan dengan baik. Penyediaan bagi memperolehi ilmu pengetahuan dan memperkembangkan kemahiran-kemahiran memerlukan jangka masa yang panjang (Noraida, 2006). Pengetahuan dan kemahiran yang cukup adalah penting untuk membina minat dan sikap guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Tidak dinafikan, usaha keras guru-guru bagi melengkapkan diri dengan pelbagai sumber ilmu pengetahuan yang berkaitan bidang yang diajar, adakah dapat ataupun tidak mereka kuasai. Sejauhmanakah usaha

mereka itu dapat menyamai ilmu pengetahuan dan kemahiran sama sempurna seperti guru-guru yang sememangnya pakar dalam bidang tersebut.

Beberapa dapatan kajian pengkaji terdahulu telah dirujuk dan keseluruhannya menggambarkan tahap kompetensi guru bukan opsyen yang mengajar kemahiran teknikal berada pada tahap sederhana. Kejituan penguasaan tahap kompetensi ini seharusnya berada pada tahap yang maksima supaya penyampaian isi pengajaran dan pembelajaran dapat disampaikan dengan penuh keyakinan. Cunningham (2008), dan Liu *et al.* (2009), juga mendapati cabaran yang dihadapi oleh guru bukan opsyen yang mengajar mata pelajaran kejuruteraan di sekolah ialah mereka tidak yakin dengan diri sendiri untuk melaksanakannya. Mohamad (2006), mendapati tahap kesediaan isi kandungan guru yang mengajar tajuk elektrik dan elektronik (komponen kemahiran teknikal) berada pada tahap sederhana. Selari dengan Azlan (2003), juga mendapati guru yang mengajar komponen kemahiran teknikal iaitu kemahiran lakaran dan lukisan adalah pada tahap sederhana.

### **1.3 Pernyataan Masalah**

Hasil perbincangan daripada latar belakang masalah yang dirujuk melalui beberapa dapatan kajian literatur, pengkaji mendapati terdapat beberapa masalah yang wujud dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi guru-guru di luar bidang kepakaran yang mengajar mata pelajaran kemahiran teknikal di kolej vokasional. Guru-guru yang mengajar diluar bidang opsyen ini akan menghadapi masalah penguasaan terutama berkaitan dengan tahap kompetensi. Di mana komponen kompetensi ini merupakan disiplin ilmu yang diperlukan dalam pengajaran sesuatu mata pelajaran kemahiran teknikal. Keperluan menguasai ilmu kemahiran mengajar amali, berpengetahuan yang mendalam berkaitan isi pengajaran dan sikap seorang guru yang dilihat semasa berada dalam kelas mahupun diluar waktu pengajaran perlu dikuasai supaya proses pengajaran dan pembelajaran dapat disampaikan dengan lebih berkesan.

Memandangkan guru-guru yang mengajar kemahiran teknikal di kolej vokasional ada yang terdiri daripada guru diluar bidang kepakaran, sudah semestinya proses pengajaran dan pembelajaran tidak dapat berjalan dengan lancar seperti mana keperluan silibus yang terpaksa dihabiskan dalam tempoh tertentu. Bahkan mereka juga tidak kompeten untuk mengajar dan sudah tentunya tidak berupaya menguasai

ilmu pengetahuan sesuatu topik pembelajaran. Sejalan dengan pendapat Carrarciao & Englander (2004), tiga komponen yang terdapat dalam penilaian kompetensi adalah pengetahuan, kemahiran dan sikap.

Oleh yang demikian, penyelidik berpendapat bahawa satu kajian berkaitan tahap kompetensi perlu dilakukan terhadap guru-guru di luar bidang kepakaran yang mengajar kemahiran teknikal di kolej vokasional. Penguasaan tahap kompetensi ini dapat meyakinkan guru-guru semasa menyampaikan isi pengajaran dan pembelajaran terutama mereka yang mengajar kemahiran teknikal. Dengan mengetahui tahap penguasaan kompetensi, diharap dapat membantu guru-guru di luar bidang kepakaran dapat mempersiapkan diri dari aspek ilmu pengetahuan, kemahiran dan sikap yang positif terhadap tugas yang dipertanggungjawabkan.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Secara amnya kajian ini adalah untuk melihat tahap kompetensi guru-guru di luar bidang kepakaran yang mengajar kemahiran teknikal di kolej vokasional. Manakala secara khususnya objektif kajian bertujuan untuk:

- (i) Menenalpasti tahap kompetensi guru bukan opsyen yang mengajar kemahiran teknikal di kolej vokasional;
- (ii) Menenalpasti perbezaan terhadap kemahiran berdasarkan pengalaman guru bukan opsyen yang mengajar kemahiran teknikal di kolej vokasional; dan
- (iii) Menenalpasti perbezaan terhadap pengetahuan berdasarkan jantina guru bukan opsyen yang mengajar kemahiran teknikal di kolej vokasional.

## **1.5 Persoalan Kajian**

Secara khususnya kajian ini bertujuan untuk menjawab persoalan berikut:

- (i) Apakah aspek kemahiran guru bukan opsyen yang mengajar kemahiran teknikal di kolej vokasional.
- (ii) Apakah aspek ilmu pengetahuan guru bukan opsyen yang mengajar kemahiran teknikal di kolej vokasional.
- (iii) Apakah aspek sikap guru bukan opsyen yang mengajar kemahiran teknikal di kolej vokasional.
- (iv) Adakah terdapat perbezaan terhadap kemahiran berdasarkan pengalaman guru bukan opsyen yang mengajar kemahiran teknikal di kolej vokasional.
- (v) Adakah terdapat perbezaan terhadap pengetahuan berdasarkan jantina guru bukan opsyen yang mengajar kemahiran teknikal di kolej vokasional.

## **1.6 Skop Kajian**

Kajian ini memberi fokus kepada tahap kompetensi ke atas guru-guru di luar bidang kepakaran yang mengajar kemahiran teknikal di kolej vokasional. Mereka yang terlibat merupakan tenaga pengajar yang mengajar pelajar tahun 1, tahun 2 dan tahun 3 kolej vokasional Kementerian Pendidikan Malaysia. Kajian ini juga memfokuskan secara khusus kepada komponen kompetensi yang dipraktikkan iaitu aspek pengetahuan, aspek kemahiran dan sikap, perbezaan pengalaman berdasarkan kemahiran dan perbezaan jantina berdasarkan ilmu pengetahuan.

## **1.7 Kepentingan Kajian**

Kajian yang dijalankan ini penting kerana ia berperanan sebagai sumber rujukan kepada pihak yang terlibat dalam bidang pendidikan. Kepentingan kajian lebih tertumpu kepada guru-guru di luar bidang kepakaran yang mengajar kemahiran teknikal memandangkan pelaksanaannya boleh mendatangkan kesan kepada pembelajaran pelajar di kolej vokasional. Hasil daripada kajian ini diharap dapat memberi maklumat kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia ( KPM )

menyusun perancangan yang sesuai tentang kaedah untuk melantik dan mengiktiraf guru terutama yang berkaitan dengan pengajaran guru-guru diluar bidang kepakaran khasnya yang mengajar kemahiran teknikal di kolej vokasional.

Hasil kajian ini juga diharap dapat memberi kepentingan kepada pihak Pengurusan Kolej Vokasional di seluruh Malaysia sebagai panduan pengagihan tugas yang bersesuaian kepada guru-guru baru mengikut bidang kepakaran mereka. Hasil kajian ini sangat berguna kepada guru-guru yang terlibat dengan aliran kejuruteraan, bidang kemahiran teknikal khususnya guru-guru yang mengajar mata pelajaran kemahiran agar memberikan kefahaman dan kesedaran tentang pentingnya pengetahuan serta kemahiran dalam bidang pengkhususan di kolej vokasional. Dapatan dari kajian ini boleh digunakan sebagai rujukan kepada pengkaji-pengkaji yang mengkaji perihal kompetensi guru yang mengajar bidang kemahiran teknikal.


## **1.8 Kerangka Teori Dan Konsep Kajian**

Kerangka teori kajian dibentuk berdasarkan model utama kajian iaitu Model Kompetensi Bungkah Air Batu (*Iceberg Competency Model*) oleh (Spencer & Spencer, 1993). Menurut Spencer & Spencer (1993), Kompetensi adalah sebagai ciri-ciri yang terpendam seseorang dan berkaitan dengan keberkesanan prestasi individu dalam pekerjaannya (*an underlying characteristic 's of an individual which is causally related to criterion - referenced effective and or superior performance in a job or situation*). *Underlying Characteristics* membawa makna kompetensi adalah sebahagian dari personaliti yang mendalam dan melekat kepada seseorang serta perilaku yang dapat diramalkan pada pelbagai keadaan dan tugas pekerjaan. *Causally Related* mempunyai maksud kompetensi adalah sesuatu yang menyebabkan atau meramalkan tingkah laku dan prestasi. *Criterion Referenced* membawa makna bahawa kompetensi sebenarnya ramalan siapa yang berprestasi baik, diukur dari kriteria atau standard yang digunakan.

Rajah 1.1 merupakan kerangka teori kajian yang telah direka bagi menyatakan secara langsung berhubung dengan keseluruhan kajian yang akan dijalankan. Pemboleh ubah bebas kajian ini ialah komponen kompetensi guru, sementara pemboleh ubah bersandar ialah guru bukan opsyen teknikal yang menggambarkan kedua-dua pemboleh ubah ini mempunyai hubungan secara langsung di antara satu sama lain. Tahap kompetensi guru yang mengajar kemahiran teknikal ini melibatkan

tiga faktor utama iaitu pelajar yang menerima kesan kompetensi seseorang guru, individu itu sendiri yang mengamalkan tahap kompetensi semasa menyampaikan isi pengajaran dan faktor prasarana seperti kemudahan asas dip persekitaran bilik darjah ataupun bengkel yang menjalankan kerja amali . Dalam kajian ini, pengkaji hanya memfokuskan kepada individu iaitu guru-guru yang mengajar kemahiran teknikal dalam pengamalan komponen kompetensi dalam usaha meningkatkan ilmu pengetahuan, kemahiran serta sikap terhadap tugas. Berdasarkan kepada teori yang telah diperjelaskan di atas, pengkaji telah membangunkan satu kerangka teori kajian bagi menunjukkan perkaitan di antara teori tersebut dengan kajian yang dijalankan seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1.1.


Rajah 1.1: Kerangka Teori Kajian



Di dalam kajian ini, pengkaji juga membentuk kerangka konsep kajian yang dijadikan sebagai rujukan yang diadaptasikan daripada Kerangka Konsep Pengetahuan, Kemahiran Teknikal (*Hands on*) dan Latihan Dalam Aspek Kemahiran

Amali (Mengikuti Model Input Output Slavian, 1994) seperti yang dipaparkan dalam Rajah 1.2. Berdasarkan kepada kajian literatur, untuk menghasilkan guru yang kompeten untuk menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran, terutama bagi guru yang baru berkhidmat, mereka dicadangkan untuk menimba ilmu pengetahuan secara informal.

Rajah 1.2: Kerangka Konsep Pengetahuan, Kemahiran Teknikal (*Hands on*) dan Sikap Dalam Aspek Kemahiran Amali (Slavian, 1994)



Di dalam kajian ini, untuk menyokong kesahihan terhadap permasalahan yang dikaji. Pengkaji membuat tinjauan awal dengan menemu bual responden yang terlibat secara langsung dalam mengurus dan menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran kemahiran teknikal. Di samping itu

pengesahan pakar dicatatkan dalam menentu serta mengesahkan elemen komponen kompetensi yang bersesuaian dengan responden. Dengan adanya pengesahan daripada pakar ini, elemen komponen kompetensi ini digunakan sebagai rujukan untuk membina instrumen kajian. Oleh yang demikian, dengan mengaplikasikan kaedah kualitatif ini, ia dapat menyokong kuat dapatan yang diperolehi melalui analisis dokumen seperti yang dinyatakan di atas. Berdasarkan kepada kajian literatur, elemen komponen kompetensi yang telah dikenalpasti dapat menyumbang kepada kompeten guru iaitu dari segi pengetahuan, kemahiran dan sikap.

Hasil daripada gabungan analisis dokumen dan data kualitatif, elemen komponen kompetensi dapat ditentukan agar ianya bersesuaian dengan responden yang telah dikenalpasti. Senarai elemen ini diuji dan disahkan melalui dua cara iaitu (i) mendapatkan persetujuan daripada pakar bidang dan (ii) menganalisis data dengan menggunakan perisian *Winsteps* versi 3.69.1.11 melalui pendekatan Model Pengukuran *Rasch*. Apabila semua elemen telah disahkan, langkah seterusnya ialah membangunkan kerangka komponen kompetensi bagi guru yang mengajar mata pelajaran kemahiran teknikal.

## **1.9 Istilah dan Operasional**

Menurut Mohd Najib Abdul Ghafar (1999), definisi terminologi ialah senarai dan penerangan segala istilah atau konsep dalam penyelidikan berdasarkan sesuatu sumber rujukan (ensiklopedia dan lain-lain), atau pun pendapat pakar. Penerangan hendaklah di buat sejelas mungkin dan seboleh-bolehnya merangkumi semua pendapat mengenai istilah atau konsep tersebut. Di dalam kajian ini, terdapat beberapa istilah yang perlu dinyatakan serta diperjelaskan bagi menerangkan maksudnya supaya dapat difahami dan tidak disalah tafsirkan untuk kajian ini. Di antara istilah tersebut adalah seperti berikut.

### **1.9.1 Tahap Kompetensi Guru**

Kompetensi merujuk kepada pengetahuan, kemahiran dan ciri-ciri peribadi atau *personality traits* yang perlu bagi melaksanakan sesuatu tugas atau tanggungjawab. Menurut Kamus Dewan, kompetensi adalah istilah bahasa Inggeris iaitu *competence*



yag bermaksud kelayakan, kemampuan, kesanggupan dan cekap untuk melakukan sesuatu tugas ( Dewan Bahasa dan Pustaka, 1999). Menurut Daud Ibrahim (2003), kompetensi bermakna "*competence proficiency, skillful and skill*". Kompetensi juga ditakrifkan sebagai gabungan aspek pengetahuan, kemahiran dan ciri-ciri peribadi yang perlu dimiliki serta diamalkan bagi melaksanakan sesuatu pekerjaan atau perjawatan. Prinsip asas model kompetensi adalah bahawa prestasi seseorang pegawai perkhidmatan awam akan meningkat sekiranya beliau mempunyai semua kompetensi yang diperlukan bagi menjalankan tugas dan tanggungjawab jawatan yang disandangnya.

Di dalam kajian ini, tahap kompetensi guru bermaksud keupayaan guru menguasai perkara yang berkaitan individu, profesional dan sosial seperti pengajaran, kepakaran dalam subjek, kepakaran dalam teori yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran, menguruskan proses pembelajaran, adaptasi dalam komuniti dan personaliti. Guru juga mestilah berkeupayaan menyampaikan isi pengajaran yang melibatkan komponen utama kompetensi iaitu (i) pengetahuan dalam bidang kemahiran teknikal; (ii) berkemahiran membuat penerangan serta tunjuk cara; dan (iii) mempamerkan sikap yang baik serta memberi teladan yang berguna kepada pelajar.

### **1.9.2 Kemahiran Teknikal**

Schermerhorn (2005), berpendapat bahawa kemahiran teknikal adalah kebolehan untuk menggunakan kepakaran yang ada bagi melaksanakan sesuatu perkara dengan cekap. Kemahiran teknikal juga adalah keupayaan bagaimana seseorang dapat mengaplikasikan pengetahuan dan kepakaran dalam melaksanakan tugas dan aktiviti yang melibatkan kaedah, proses dan tatacara. Contohnya pengendalian alatan berteknologi tinggi memerlukan kemahiran teknikal yang khusus. Bagi seorang guru, kemahiran teknikal ini penting kerana mereka terlibat secara langsung dalam menerapkan pengetahuan dan kemahiran kepada pelajar. Tanpa kemahiran teknikal, seseorang guru yang merupakan pengurus di dalam kelas tidak dapat menjalankan perancangan yang baik, teknik yang berkesan dan tunjuk cara yang betul kepada pelajar (Makhbul & Hasun, 2003).

Dalam kajian ini Kemahiran Teknikal merupakan bidang khursus yang ditawarkan di Kolej-Kolej Vokasional di Malaysia, antaranya seperti berikut: (i)

Teknologi Kejuruteraan Elektrik-Elektronik, (ii) Teknologi Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan, (iii) Bidang Hospitaliti, (iv) Bidang Perniagaan, (v) Teknologi Maklumat dan Komunikasi; dan (vi) Pertanian. Pelajar yang menduduki program kemahiran teknikal akan mengikuti pengajian pengkhususan selama empat tahun bermula pada peringkat pra diploma (Sijil Vokasional Malaysia) dan berakhir di peringkat diploma (Diploma Vokasional Malaysia). Secara amnya, pengajian kemahiran teknikal adalah lanjutan daripada komponen Kemahiran Manipulatif dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup yang diajar diperingkat sekolah menengah rendah di tingkatan satu hingga tingkatan tiga.

Dalam kajian ini juga, mata pelajaran kemahiran teknikal memberi maksud mata pelajaran yang menawarkan dua bidang aliran vokasional iaitu aliran kemahiran kerja tangan dan aliran teori teknologi. Kedua-dua aliran vokasional ini terkandung dalam sukatan Kurikulum Standard Kolej Vokasional (KSKV) yang perlu diajar secara teori di dalam bilik darjah dan kerja amali di dalam bengkel.

### **1.9.3 Pengajaran Dan Pembelajaran**

Pembelajaran merupakan satu proses memperoleh ilmu pengetahuan atau kemahiran. Menurut Gagne (1970), pembelajaran merupakan perubahan tingkah laku kebolehan seseorang yang dapat dikekalkan. Manakala Woolfolk (2004), menyatakan, pengajaran dan pembelajaran sebagai satu proses perubahan dalaman yang berlaku kepada seseorang dengan membentuk perkaitan yang baru atau sebagai potensi yang sanggup menghasilkan tindak balas yang baru. Pembelajaran dilihat sebagai perubahan dalaman yang berlaku kepada seseorang dengan membentuk perkaitan yang baru, atau sebagai potensi yang sanggup menghasilkan tindak balas yang baru. Proses pengajaran merupakan satu usaha menyampaikan ilmu pengetahuan oleh guru yang berkeelayakan dan biasanya akan berlangsung secara formal seperti yang dinyatakan oleh Mohd. Fauzi *et al.* (2008).

Di dalam kajian ini, proses pengajaran dan pembelajaran ialah aktiviti yang dijalankan oleh guru di dalam kelas dan juga bengkel bagi mata pelajaran Teknologi Kejuruteraan dalam usaha menyampaikan ilmu kepada pelajar. Proses pengajaran dan pembelajaran ini melibatkan aktiviti penerangan di dalam bilik darjah secara teori, penggunaan bengkel untuk menjalankan kerja amali yang mengandungi

elemen kemahiran kejuruteraan, penggunaan alatan tangan serta mesin dan penyelenggaraan bengkel.

#### **1.9.4 Kolej Vokasional**

Kolej Vokasional (KV) ialah institusi pendidikan dan latihan vokasional pasca menengah yang melaksanakan Kurikulum Kolej Vokasional untuk membentuk modal insan bersahsiah, berilmu dan berkemahiran tinggi. Orientasi pembelajaran pelajar KV ialah pembelajaran berasaskan kerja dan latihan dalam kerja atau *on-job training* (OJT). Lulusan KV adalah pekerja mahir dalam sesuatu bidang vokasional dengan kelayakan sijil dan diploma kolej vokasional dan kelayakan profesional antarabangsa (Pelan Strategik Transformasi Pendidikan Vokasional, 2011).

Dalam kajian ini, maksud Kolej Vokasional ialah Kolej Vokasional yang terletak dalam Negeri Pahang. Kolej yang di pilih untuk dilaksanakan kajian ini ialah Kolej Vokasional Temerloh, Kolej Vokasional Tengku Ampuan Afzan Bentong, Kolej Vokasional Kuantan, Kolej Vokasional Sultan Haji Ahmad Shah Kuala Lipis dan Kolej Vokasional Rompin. Lima buah kolej ini di pilih kerana hanya kolej ini sahaja yang menawarkan pelbagai bidang kursus kemahiran teknikal.

#### **1.9.5 Guru Bukan Opsyen**

Dalam kajian ini, ia membawa maksud guru-guru yang bukan dari aliran atau bidang kemahiran teknikal yang dipelajari semasa mengikuti kursus-kursus keguruan dan tiada pengkhususan berkaitan mata pelajaran yang diajar di kolej-kolej vokasional. Guru bukan opsyen juga boleh dimaksudkan dengan (i) guru-guru sementara; (ii) guru-guru kontrak; (iii) Guru-guru yang dipinjamkan bagi tujuan menggantikan tempat kekosongan tenaga pengajar; (iv) guru-guru tiada pengkhususan kemahiran teknikal; dan (v) guru-guru yang ditempatkan dibengkel-bengkel kerana berlebihan penempatan.

## **BAB 2**

### **KAJIAN LITERATUR**

#### **2.1 Pengenalan**

Dalam bab dua ini pengkaji akan membahagikan aspek penulisan literatur ini kepada beberapa bahagian utama iaitu (i) teori berkaitan; (ii) komponen kompetensi guru dari aspek kemahiran *hands-on*; (iii) komponen kompetensi guru dari aspek pengetahuan; (iv) komponen kompetensi guru dari aspek sikap; (v) Kolej Vokasional di Negeri Pahang; dan (vi) pengajaran kemahiran teknikal. Maklumat dan fakta yang diperolehi akan dapat membantu pengkaji dalam melaksanakan dan membuktikan dapatan kajian melalui sorotan kajian ini.

#### **2.2 Teori Berkaitan**

Perbincangan keseluruhan kajian ini berteraskan kepada Model Kompetensi Iceberg yang dibangunkan oleh Lyle M. Spencer. Penerangan mengenai Model kompetensi ini adalah perlu supaya ianya dapat memberi gambaran serta kefahaman yang jelas tentang definisi kompetensi. Dalam kajian ini teori tingkah laku (*behaviorisme*) yang diasaskan oleh Ivan Petrovich Pavlov (1849-1936) juga digunakan sebagai teori sokongan bagi menjelaskan komponen sikap.


### 2.2.1 Model Iceberg

Spencer dalam bukunya '*Competence at work*' telah mentakrifkan kompetensi seperti berikut:

*"A competency is an underlying characteristic of an individual that is causally related to criterion-referenced effective and / or superior performance in a job situation"*

*Underlying characteristic* bermaksud kompetensi merupakan satu watak yang mendalam dan kukuh pada seseorang individu dan ianya akan meramalkan perilaku individu tersebut dalam semua keadaan dan tugas yang diberikan. Sebagai contoh, seseorang individu yang mempunyai ciri-ciri diri sebagai seorang pemimpin akan lebih mudah mempamerkan ciri-ciri kepimpinan apabila diberikan tugas yang memerlukan sifat kepimpinan. Berbanding seseorang yang mempunyai ciri-ciri seorang pengurus agak sukar untuk memegang jawatan yang memerlukan mereka mempamerkan ciri-ciri kepimpinan. *Causally related* bermaksud kompetensi boleh menyebabkan atau meramalkan tingkah laku dan prestasi seseorang. Ia merupakan dorongan atau motif yang menjadi faktor penyebab tindakan tersebut berlaku. Kompetensi tidak akan berlaku jika perlakuan tingkah laku dibuat tanpa sebarang motif. *Criterion-referenced* pula bermaksud kompetensi merupakan faktor sebenar yang boleh meramalkan seseorang itu berupaya melakukan suatu tugas dengan baik atau sebaliknya.

